Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 19 - 22 FEBRUARI 2021**

**BIL. 7 /2021**

# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 22 Februari 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 252,623** atau 88.4 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **32,076 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **2,192 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **285,761 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.86 peratus** daripada catatan harian dengan sebanyak **2,189 kes atau 61.1 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import hanya berjumlah 3 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 45.5 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (21.9 peratus), Zon Selatan (18.9 peratus), Zon Utara (9.8 peratus) dan Zon Pantai Timur (4.0 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor dan W.P Kuala Lumpur** dengan masing-masing **merekodkan 910 dan 303 kes** disusuli Sarawak (221 kes), Johor (211 kes), Perak (148 kes), Pulau Pinang (135 kes) dan Sabah (110 kes). Sejumlah **1,062 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **6 kematian terbaru.**

Krisis kesihatan yang berpanjangan ini turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ekonomi dunia digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut;

AS: **Jualan runcit AS melonjak 5.3% pada bulan Januari 2021 setelah turun 1% pada Disember 2020**. Commerce Department AS melaporkan, tanpa mengambil kira peningkatan 3.1% pada jualan kenderaan bermotor dan alat ganti, aktiviti peruncitan meningkat 5.9% pada bulan Januari 2021 setelah turun sebanyak -1.8% pada bulan Disember 2020. Laporan turut menunjukkan Jualan di gedung serbaneka melonjak 23.5% pada bulan rujukan. **Sementara itu, Commerce Department AS turut melaporkan, Inventori perniagaan AS meningkat kukuh pada Disember 2020, disokong oleh stok peruncitan yang lebih besar.** Inventori perniagaan meningkat 0.6% pada Disember 2020 setelah naik 0.5% pada bulan sebelumnya. Perincian menunjukkan, data inventori runcit meningkat 1.2% pada Disember 2020 berbanding 0.7% pada bulan November 2020. **Laporan lain pula menunjukkan, aktiviti pengeluaran sektor Pembuatan AS meningkat lebih tinggi daripada yang dijangkakan pada bulan Januari 2021**. Pengeluaran pembuatan meningkat 1% bulan lalu setelah meningkat 0.9% pada bulan Disember 2020. Pada masa yang sama, pengeluaran

sektor Perlombongan meningkat 2.3% manakala pengeluaran sub-sektor utiliti turun 1.2%. Sementara itu, **Indeks Harga Pengeluar (IHPr) AS mencatatkan kenaikan terbesar sejak 2009 pada Januari 2021 didorong oleh kenaikan kos dikilang.** IHPr ke atas produk permintaan akhir melonjak 1.3% pada Januari 2021 setelah naik 0.3% pada Disember 2020. IHPr perkhidmatan yang merangkumi dua pertiga dari komponen keseluruhan IHPr meningkat 1.3% (RTT, Reuters)

EU: **Output sektor Pembinaan di zon Eropah turun buat kali pertama dalam jangka masa tiga bulan pada bulan Disember 2020**. Laporan EUROSTATS menunjukkan output sektor Pembinaan turun 3.7% bulan ke bulan pada Disember 2020 berbanding pertumbuhan 2.3% pada bulan November 2020. Kerja-kerja pembinaan bangunan turun 3.8% manakala kerja-kerja pembinaan kejuruteraan awam turun 3.4%. Perbandingan antara tahun ke tahun pula menunjukkan, output pembinaan turun 2.3% pada bulan Disember, menyusuli penurunan 0.6% pada bulan sebelumnya. Di EU27, output pembinaan menurun 3.3% bulan ke bulan, dan -2.1% pada asas tahunan. **Selain itu, laporan oleh European Automobile Manufacturers' Association (ACEA) menunjukkan jualan kereta baharu menurun sebanyak -25.7% tahun ke tahun pada bulan Januari 2021.** Data pendaftaran kereta Eropah turun akibat kesan langkah sekatan pergerakan bagi mengekang gelombang kedua COVID-19 di rantau berkenaan. Dilaporkan semua lima pasaran terbesar di Eropah mencatatkan penurunan. (RTT, Reuters)

UK: **Kadar inflasi UK meningkat pada bulan Januari 2021 disokong oleh peningkatan permintaan barangan penggunaan seperti sofa, selimut makanan, permainan video dan hiburan rumah yang lain**. Inflasi harga pengguna tahunan meningkat ke paras tertinggi tiga bulan 0.7% pada bulan lalu. Penganalisis ekonomi menjangkakan inflasi akan melepasi sasaran 2% oleh Bank of England pada akhir tahun ini apabila pemotongan cukai sementara dan potongan bil utiliti isi rumah berakhir. **Sementara itu, laporan lain menunjukkan harga kediaman di UK meningkat pada kadar terpantas dalam tempoh enam tahun.** Harga rumah UK melonjak 8.5% pada Disember 2020 lebih tinggi daripada tahun sebelumnya, berbanding dengan kenaikan 7.1% pada bulan November 2020. Peningkatan ini adalah tertinggi semenjak Oktober 2014. (Reuters)

ASIA: **Jepun mencatatkan defisit perdagangan barangan sebanyak JPY323.9 bilion pada bulan Januari 2021**. Jumlah ini adalah jauh lebih kecil berbanding defisit perdagangan JPY1,315.1 bilion yang dicatatkan pada Januari 2020. Jurang defisit yang semakin mengecil ini disokong oleh Eksport yang meningkat 6.4% ke JPY5,779.8 bilion. Eksport ke Asia meningkat 19.4% (JPY3,365.7 bilion) dengan eksport ke China sahaja meningkat 37.5% kepada JPY1.232.6 bilion. **Sementara itu, laporan dari Cabinet Office Jepun pula menunjukkan pesanan jentera dari Jepun meningkat 5.2% pada bulan Disember 2020 dari bulan sebelumnya**. Ini merupakan peningkatan untuk bulan ketiga berturut-turut. **Singapura mencatatkan peningkatan 7% bulan ke bulan bagi nilai eksport domestik bukan minyak (NODX) pada bulan Januari 2021 dengan nilai dagangan sebanyak SGD15.4 bilion**. Pada asas tahunan, NODX melonjak 12.8% berbanding kenaikan 6.8% pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini antara lain disokong oleh eksport berkaitan elektronik, jentera khas dan produk petrokimia. (RTT, Reuters)

AS: **Setelah mencatatkan peningkatan yang mendadak, prestasi pembinaan kediaman baharu AS mencatatkan kemerosotan pada bulan Januari 2021.** Commerce Department AS melaporkan, pembinaan baharu kediaman susut sebanyak -6% kepada 1.580 juta pada bulan Januari 2021 setelah melonjak sebanyak 8.2% pada bulan Disember 2020. Kejatuhan yang mendadak ini disumbangkan oleh pembinaan kediaman jenis *single-family* sebanyak -12.2%. **Sementara itu, Indeks Harga Import AS naik 1.4% pada bulan Januari 2021 didorong oleh harga bahan bakar yang lebih tinggi.** Labor Department AS melaporkan, peningkatan ini disusuli oleh kenaikan 1% pada bulan sebelumnya. Harga import bahan bakar meningkat 7.4% pada bulan Januari 2021 setelah melonjak 8.1% pada bulan Disember 2020 manakala harga import bukan bahan bakar (*non-fuel imports*) naik 0.8% pada bulan Januari 2021 setelah meningkat 0.4% pada bulan sebelumnya. Laporan turut menunjukkan, Harga Eksport AS meningkat sebanyak 2.5% pada bulan Januari 2021. (RTT)

EU**: Keyakinan pengguna di EU meningkat pada bulan Februari 2021.** Tingkat keyakinan pengguna di zon Eropah meningkat sedikit pada bulan Februari 2021, setelah susut pada bulan sebelumnya. Indeks Keyakinan Pengguna menunjukkan catatan lebih baik pada -14.8 daripada -15.5 yang dicatatkan pada Januari lepas. Skor ini adalah lebih tinggi dari jangkaan penganalisis ekonomi pada kadar -15. Indeks bagi Kesatuan Eropah (EU) meningkat kepada -15.7 daripada -16.5 pada bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, indeks ini terus kekal jauh di bawah purata jangka panjang -11.1 untuk Zon Eropah dan -10.6 untuk EU. (RTT)

ASIA: **Jualan barangan mewah (*luxury goods*) di pasaran domestik China meningkat lebih tinggi sejak pandemik COVID-19** kesan dari sekatan perjalanan ke luar negara dan pemulihan gaji bagi yang berpendapatan tinggi. Penggunaan isirumah China di restoran, belian secara dalam talian dan perbelanjaan ke atas filem sepanjang cuti Tahun Baru Cina meningkat dengan mendadak apabila sekatan perjalanan menyukarkan sebahagian besar daripada mereka membuat perjalanan ke luar negara. **Di Hong Kong, kadar pengangguran meningkat pada bulan Januari 2021 kepada 7.0%** (purata tiga bulan hingga Jan) berbanding 6.6% yang dicatatkan pada tiga bulan hingga Disember. Manakala kadar guna tenaga tidak penuh (*underemployment rate*) meningkat kepada 3.8% berbanding 3.4% pada tempoh sebelumnya. Bilangan penganggur meningkat sekitar 7,500 kepada 253,300 pada bulan November hingga Januari. Dalam tempoh yang sama, jumlah guna tenaga tidak penuh juga meningkat sekitar 14,400 kepada 148,200. **Di Indonesia, Bank Indonesia (BI) telah menurunkan kadar bunga** bagi meningkatkan ekonomi yang dilanda COVID-19. Ini merupakan kali keenam BI menurunkan kadar bunga dengan penurunan sebanyak 25 mata asas ke paras terendah baharu 3.50%. Sementara itu, **penjualan kereta domestik Thailand bagi Januari 2021 merosot -21.3% tahun ke tahun**. Penularan wabak COVID-19 pada pertengahan Disember 2020 telah memberi kesan kepada momentum peningkatan penjualan kereta apabila ia mencatatkan peningkatan semula pada Novermber dan Disember 2020. (Bloomberg, RTT, Reuters)

AS: **Aktiviti Pembuatan AS perlahan pada awal Februari** akibat kekurangan bahan mentah dan harga input yang lebih tinggi. Indeks Pengurusan Pembelian (PMI) IHS Markit bagi sektor Pembuatan AS turun kepada 58.5 pada separuh pertama bulan Februari daripada 59.2 pada bulan Januari 2021. Walau bagaimanapun, bacaan di atas penanda aras 50 menunjukkan sektor yang menyumbang 11.9% ekonomi AS ini masih mencatatkan pertumbuhan. Pertumbuhan sektor Pembuatan ini didorong oleh peningkatan permintaan untuk barangan isirumah yang menggantikan perbelanjaan pengguna ke atas perkhidmatan seperti perjalanan dan penginapan hotel**. Sementara itu, PMI sektor Perkhidmatan AS meningkat kepada 58.9 daripada 58.3 pada bulan Januari 2021. Selain itu, jualan semula kediaman meningkat 23.7% tahun ke tahun pada Januari 2021.** Peningkatan ini didorong oleh kadar faedah gadai janji yang rendah dan permintaan yang tinggi ke ruang yang lebih luas bagi *Home office* dan pembelajaran di rumah (home schooling). (Reuters)

EU: **Aktiviti ekonomi di seluruh zon Eropah kembali merosot pada bulan Februari** apabila langkah pencegahan untuk membendung penularan COVID-19 memberi kesan kepada blok ekonomi yang didominan oleh sektor perkhidmatan. PMI IHS Markit bagi blok berkenaan mencatatkan 48.1 pada bulan Februari berbanding 47.8 pada bulan Januari 2021. PMI yang merangkumi industri perkhidmatan turun ke 44.7 dari 45.4. Manakala PMI aktiviti Pembuatan melonjak ke 57.7 dari 54.8 bulan sebelumnya, tertinggi sejak Februari 2018. Indeks Pesanan Baharu mencatatkan peningkatan dan sektor Pembuatan dilihat menggaji guna tenaga tambahan untuk pertama kalinya dalam hampir dua tahun. Indeks Pekerjaan meningkat kepada 50.9 daripada 49.4. Sementara itu, **peningkatan permintaan untuk eksport mendorong aktiviti di sektor Pembuatan Jerman ke tahap tertinggi 36 bulan** pada bulan Februari 2021. PMI IHS Markit bagi sektor Pembuatan meningkat kepada 60.6 daripada 57.1 pada bulan Januari 2021. Peningkatan ini melepasi ramalan penganalisis ekonomi yang menjangkakan kejatuhan kepada 56.5. Sebaliknya, PMI aktiviti di sektor perkhidmatan di ekonomi terbesar Eropah itu merosot ke paras terendah sembilan bulan kepada 45.9 daripada 46.7 pada bulan belumnya. Indeks yang kekal berada di bawah penanda aras 50 menunjukkan bahawa berlaku penguncupan dalam aktiviti Perkhidmatan. (Reuters)

UK: **Jualan runcit UK merosot pada Januari apabila perniagaan kembali ditutup**. Statistik bagi Januari menunjukkan jumlah jualan runcit merosot sebanyak -8.2% dari bulan Disember 2020. Kejatuhan ini adalah jauh lebih besar daripada jangkaan penguncupan 2.5% dalam satu tinjauan yang dijalankan oleh Reuters. Walau bagaimanapun, kesan sekatan pergerakan ini adalah memberi impak ekonomi yang mendalam seperti sekatan peregrakan pertama pada April tahun lepas. Kejatuhan jualan runcit yang lebih kecil daripada penurunan 18% pada April 2020 yang lalu adalah kesan dari pertumbuhan belian secara dalam talian. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **International Monetary Fund (IMF)** mengekalkan **prospek pertumbuhan 7.0%** untuk Malaysia pada tahun **2021**, diikuti oleh Kemboja (6.8%), Vietnam (6.7%), Filipina (6.6%) dan Myanmar (5.7%). Selain itu, **ekonomi global** diramal berkembang **sebanyak 5.5%,** disemak semula secara menaik sebanyak 0.3% berbanding unjuran sebelumnya dan sekaligus **mencerminkan jangkaan terhadap pengukuhan ekonomi yang didorong oleh vaksin** serta polisi tambahan di beberapa ekonomi besar.

2. **Pemulihan ekonomi dijangka** pada **suku ketiga tahun ini,** bergantung kepada kelancaran pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Nasional, yang bermula pada 24 Februari 2021. **Ekonomi negara turut dijangka menunjukkan perkembangan positif pada pertengahan tahun** ini apabila program vaksinasi negara mendapat momentum. Ini selari dengan unjuran KDNK yang dikeluarkan oleh **Unit Perancang Ekonomi** sekitar **4.5% hingga 5.0%.**

3. **Malaysia secara rasmi telah menerima penghantaran pertama vaksin Pfizer-BioNTech's Covid-19** setelah menunggu beberapa bulan. Vaksin itu dibawa dalam penerbangan Malaysia Airlines MH604 yang dikendalikan oleh **MAB Kargo Sdn Bhd (MASKargo)** dan tiba di Pusat Kargo Lanjutan (ACC) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada jam 9.57 pagi 21 Februari 2021.

4. **Kajian Global Business Travel Association (GBTA) mendapati 79%** ahlinya merasa **"sangat selesa" atau "selesa"** untuk melakukan perjalanan perniagaan **setelah menerima suntikan vaksin COVID-19**. Hampir separuh responden bersetuju bahawa ujian COVID-19 wajib diambil sebelum melakukan perjalanan bagi memastikan keselamatan semua pihak seperti pelanggan dan pekerja terjamin semasa bertemu secara bersemuka.

5. **BMW Group Malaysia** telah mencatat pencapaian yang terbaik dalam **'Net Promoter Scoring'** bagi perihal kepuasan pelanggan dan **telah merekodkan 8,903 pemilik baharu tahun lalu**, sekali gus mendahului keseluruhan segmen premium di Malaysia dengan penguasaan **pasaran lebih 47 peratus.**

6. **Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)** yakin **eksport kayu balak dan produk kayu** Malaysia dapat mencapai **RM23 bilion** tahun ini berikutan kehadiran vaksin Covid-19. Prestasi eksport

produk berasaskan kayu untuk tahun 2020 yang mencatat pencapaian yang baik walaupun wabak COVID-19 masih belum berakhir.

7. **Malaysia Smelting Corporation Berhad (MSC)** merancang untuk menugaskan **sepenuhnya kemudahan pelaburan baru** di Pulau Indah pada akhir 2021 atau awal 2022 dimana pelaburan baru itu dijangka akan meningkatkan kapasiti pengeluaran MSC **sebanyak 50% hingga 60,000 tan setahun** dengan menggunakan tungku Top Submerged Lance (TSL) canggih, **dengan kos operasi dan jejak karbon yang lebih rendah.**

8. **Pendapatan sepanjang tahun Heneiken Malaysia** merosot **24.13% kepada RM1.76 bilion daripada RM2.32 bilion** dimana prestasi syarikat ini dipengaruhi oleh turun naik pertukaran dolar AS, turun naik harga bahan mentah, situasi permintaan dan penawaran bahan mentah, persaingan dan situasi semasa pandemik Covid-19.

9. **Pendapatan FY20 Petronas Dagangan Bhd (PetDag)** menurun sangat signifikan di **tengah pendemik Covid-19 dan sekatan perjalanan** mengakibatkan **jumlah jualan dan harga produk yang lebih rendah**.

10. **Sektor perkilangan dan pembuatan merupakan penyumbang tertinggi** kepada jumlah kes positif harian di mana sehingga semalam daripada **41,396 kes aktif keseluruhan yang direkodkan, 14,423 kes** adalah daripada sektor itu. Penutupan operasi secara sukarela bukan sahaja mampu menurunkan kes tetapi secara tidak langsung mampu **menyekat penularan wabak dalam kalangan komuniti**.

11. **Sektor pelancongan perlu menyediakan prosedur operasi standard (SOP)** seiring persiapan gelembung perjalanan dan pembukaan semula sempadan negara. Negara-negara yang terlibat dengan RGL/TCA perlu memastikan pembukaan semula sempadan **tidak memburukkan lagi keadaan dan perlu mengehadkan kepada beberapa destinasi** bagi mengekang penyebaran COVID-19.

12. **Kerajaan Pulau Pinang meluluskan Pakej Bantuan Rakyat 3.1 bernilai RM8.41 juta untuk membantu sektor terjejas pandemik COVID-19** dan memastikan ekonomi negeri itu akan terus membangun semasa pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). **Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) akan menerima bantuan *one-off* RM1,000, pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan berdaftar (RM500).** Pusat jagaan kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya serta perlindungan wanita di Pulau Pinang bakal menerima bantuan secara sekali beri RM5,000.

13. **Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) akan memanfaatkan e-dagang dan melebarkan ekonomi digital** dan dapat dicapai melalui gabungan sektor awam dan swasta yang berkesan. Langkah ini sejajar **dengan misi platform e-dagang Shopee untuk memperkasa usahawan mikro, kecil dan sederhana (MSMEs) dengan menaikkan lebih 40 ribu MSMEs** melalui kempen e-dagang SME Penjana pada 2020.

14. **Kerajaan Malaysia akan membelanjakan sehingga RM56 billion bagi infrastruktur untuk melebarkan dan menaik taraf rangkaian internet di bawah pelan 10 tahun bertujuan membangun ekonomi digital negara**. Sejumlah RM12 ke RM15 billion akan dilaburkan ke pemacu utama MyDigital – *cloud computing service providers for the next five years*. **Disasarkan sektor ini akan menjadi penyumbang keempat kepada KDNK Malaysia menjelang 2025 dan akan mewujudkan 500 ribu peluang pekerjaan**. Inisiatif ini juga akan meningkatkan kehadiran PKS dalam e-dagang dan meningkatkan lebih banyak firma pemula tempatan.

15. **Hampir 30 peratus ahli Persatuan Kereta Sewa Kelantan Gabungan Barat terpaksa melepaskan permit kerana kekurangan penumpang sejak Mac 2020 kerana pelaksanaan PKP dan tidak dapat melunaskan kos pengurusan**. Pemandu teksi di Kelantan juga terpaksa menanggung kos insurans kereta sebanyak RM800 hingga RM1,700 bergantung hayat kenderaan dan lesen perniagaan sebanyak RM300 bagi tempoh lima tahun.

16. **Seramai 401,105 pelajar di seluruh negara mula menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020** dalam suasana negara masih berdepan pandemik COVID-19.

17. **Harga kebanyakan 'ikan rakyat' di seluruh negara naik namun belum ke tahap melambung**. Jika dibandingkan minggu kedua Februari lalu dengan tempoh sama tahun lalu, harga runcit 20 spesies ikan terpilih meningkat 6.4 peratus secara purata. Harga borong bagi 20 spesies ikan itu bagi tempoh sama pula meningkat 10.1 peratus secara purata. Sebagai contoh, harga kembung meningkat 5.6 peratus daripada RM14.05 sekilogram tahun lalu kepada RM14.83 sekilogram tahun ini manakala selar meningkat 7.1 peratus (RM13.74 sekilogram kepada RM14.72 sekilogram).

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star**<br>19 Feb 2021<br>(*Essential*) | **MyDIGITAL expected to create 500,000 jobs, contribute 22.6% to GDP by 2025**<br><br>The MyDIGITAL initiative is expected to create 500,000 jobs in the digital economy and contribute 22.6 per cent to the country's gross domestic product GDP.<br><br>Government would also encourage 875,000 micro, small and medium enterprises (MSMEs) to accept the use of e-commerce.<br><br>Initiatives under the auspices of MyDIGITAL could also catalyse 5,000 startup companies in the next five years and attract new investments worth RM70 billion in the digital sector from within and outside the country.<br><br>Level of productivity of the economic sector to be 30 per cent higher. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/02/19/mydigital-expected-to-create-500000-jobs-contribute-226-to-gdp-by-2025 |
| 2. | **Bernama**<br>19 Feb 2021<br>(*Essential*) | **P.Pinang umum Pakej Bantuan Rakyat 3.1 bernilai RM8.41 juta**<br><br>Pakej Bantuan Rakyat 3.1 bernilai RM8.41 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membantu beberapa sektor yang terkesan akibat penularan COVID-19 dan memastikan ekonomi negeri ini terus membangun semasa pasca PKP.<br><br>Antara penerima bantuan tersebut adalah golongan usahawan kecil dan sederhana, | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1933189 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pengusaha kegiatan sukan aktiviti kecergasan berdaftar, pengendali Perkhidmatan spa bergerak, pemandu bas atau van persiaran, kereta sewa atau limosin pelancongan dan pemandu pelancong berdaftar. | |
| 3. | **The Star**<br>20 Feb 2021<br>(*Non-essential*) | **Lift the travel ban, please**<br><br>Tourism players, including hotels, are calling on the government to lift the inter-district and interstate travel ban to prevent more operators from losing their rice bowl.<br><br>The travel ban had hit tourism players hard and more operators would fold up if restrictions prolong. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/02/20/lift-the-travel-ban-please |
| 4. | **Bernama**<br>21 Feb 2021<br>(*Essential*) | **Vaksin beri sinar kepada pemulihan ekonomi**<br><br>Vaksin akan membantu Malaysia untuk mengurangi secara radikal kadar jangkitan dan tekanan terhadap sistem penjagaan kesihatan, yang pada ketika ini telah pun mencatatkan 34,468 kes aktif.<br><br>Kerajaan berhasrat untuk mengimunisasikan 70% penduduk menjelang suku pertama 2022.<br><br>Justeru, keperluan untuk kawalan dan sekatan pergerakan mungkin akan berkurangan dan akan membolehkan ekonomi kembali beroperasi sepenuhnya. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1933609 |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – Ekonomi digital dijangka akan menyumbang sebanyak 22.6% kepada KDNK negara menjelang tahun 2025. Melalui MYDIGITAL, Kerajaan akan menggalakkan 875,000 orang PKS untuk menerima guna e-dagang. Inisiatif di bawah MYDIGITAL dijangka dapat menarik pelaburan baharu dalam sektor digital berjumlah RM70 bilion. Tahap produktiviti negara juga disasar meningkat 30% lebih tinggi menjelang tahun 2030. Bagi sektor awam, kemudahan transaksi tanpa tunai akan disediakan di semua agensi Kerajaan menjelang tahun 2022. Menjelang hujung tahun 2021, kemudahan teknologi 5G dijangka dapat dinikmati oleh rakyat secara berperingkat.

2. Artikel 2 – Pakej Bantuan Rakyat 3.1 bernilai RM8.41 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membantu beberapa sektor yang terkesan akibat penularan COVID-19 dan memastikan ekonomi negeri ini terus membangun semasa pasca PKP. Antara penerima bantuan tersebut adalah golongan usahawan kecil dan sederhana, pengusaha kegiatan sukan aktiviti kecergasan berdaftar, pengendali Perkhidmatan spa bergerak, pemandu bas atau van persiaran, kereta sewa atau limosin pelancongan dan pemandu pelancong berdaftar.

3. Artikel 4 – IMF mengekalkan prospek pertumbuhan 7.0% untuk Malaysia pada tahun 2021, diikuti oleh Kemboja (6.8%), Vietnam (6.7%), Filipina (6.6%) dan Myanmar (5.7%). Selain itu, ekonomi global diramal berkembang sebanyak 5.5%, disemak semula secara menaik sebanyak 0.3% berbanding unjuran sebelumnya dan sekaligus mencerminkan jangkaan terhadap pengukuhan ekonomi yang didorong oleh vaksin serta polisi tambahan di beberapa ekonomi besar. Kerajaan telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi negara antara 6.5% hingga 7.5%.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pendigitalan kini telah menjadi satu keperluan terutamanya dalam era pandemik COVID19 di mana fenomena bekerja dari rumah dan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian menjadi norma baharu. Sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi negara dijangka meningkat sebanyak 22.6% menjelang tahun 2025. Pada tahun 2019, sumbangan sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) adalah sebanyak 19.1% atau RM289.2 bilion iaitu pertumbuhan sebanyak 7.1% berbanding tahun sebelumnya.

2. Pakej rangsangan yang diumumkan kerajaan negeri merupakan langkah terbaik dalam membantu mengimbangi kesan negatif ke atas ekonomi dan pendapatan boleh guna. Terdapat beberapa inisiatif bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan menyokong para peniaga terutamanya bagi PKS agar berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran ekonomi

yang agak muram pada masa ini. Pada tahun 2019, Pulau Pinang merekodkan nilai ditambah berjumlah RM94.7 bilion dan mencatatkan pertumbuhan sederhana 3.8% berbanding 5.1% pada tahun 2018.

3. Program Imunisasi COVID19 Kebangsaan dijangka dapat mengawal kadar jangkitan dalam negara dan seterusnya dapat memastikan sektor industri untuk terus beroperasi. Kedua-dua faktor ini dan beberapa pakej rangsangan ekonomi yang telah diumumkan oleh Kerajaan dijangka dapat menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2021 setelah menguncup sebanyak 5.6% pada tahun 2020 dan 3.4% pada ST4 2020.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Berita Harian**<br>19.2.2021<br>*(Essential)* | **Minyak mentah Brent lonjak AS$65, tertinggi sejak Januari 2020**<br><br>Brent melonjak melepasi paras AS$65 setong buat kali pertama sejak Januari 2020. Ia didorong penyusutan mendadak pengeluaran dari Amerika Syarikat (AS) berikutan krisis tenaga yang dihadapi negara itu.<br><br>Niaga hadapan Brent di London meningkat sehingga 1.4% kepada AS$65.21 pada Khamis. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2021/02/787860/minyak-mentah-brent-lonjak-as65-tertinggi-sejak-januari-2020 |
| 2. | **Utusan**<br>22.2.2021<br>*(Non-essential)* | **Perodua D55L dibuka untuk tempahan**<br><br>Model baharu Perodua iaitu D55L dibuka untuk tempahan bermula Jumaat lalu.<br><br>Model yang dikatakan akan dikenali sebagai Ativa itu merupakan yang tercanggih untuk Perodua setakat ini dan datang dengan 3 varian iaitu X, H dan AV dengan tawaran harga tentatif | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/02/perodua-d55l-dibuka-untuk-tempahan/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | atas jalan sebelum insurans antara RM62,500 hingga RM73,400 di Semenanjung Malaysia.<br><br>D55L adalah model pertama di bawah rangka tindakan Perodua Smart Build dan ia menerajui gaya, keselamatan, teknologi, tahap kelengkapan dan juga nilai bagi Perodua. | |
| 3. | **Harian Metro**<br>22.2.2021<br>*(Non-essential)* | **BMW terajui segmen automotif premium**<br><br>BMW Group Malaysia menerajui segmen automotif premium di Malaysia susulan kejayaannya melakar angka yang cemerlang dan memecah rekod dalam skor kepuasan pelanggan pada 2020.<br><br>Ia mampu mengatasi cabaran dengan memperkenalkan 25 varian model yang meliputi tiga jenama utamanya – BMW, MINI dan BMW Motorrad – empat daripada varian tersebut merupakan kenderaan elektrik (EV). | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/02/676153/bmw-terajui-segmen-automotif-premium |
| 4. | **Harian Metro**<br>22.2.2021<br>*(Non-essential)* | **Proton perkenal model istimewa**<br><br>PROTON Holdings Berhad (Proton) memperkenalkan 4 model Edisi Khas terdiri daripada Proton Persona dan Exora Edisi Hitam dan Saga serta Iriz R3 Edisi Terhad. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/02/675946/proton-perkenal-model-istimewa |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Keempat-empat model Proton Edisi Khas itu dijual pada harga RM54,700 (Persona Edisi Hitam), RM67,800 (Exora Edisi Hitam), RM52,900 (Iriz R3 Edisi Terhad) dan RM42,300 (Saga R3 Edisi Terhad). Ia adalah pelancaran pertama Proton pada 2021 bagi menawarkan lebih pilihan kepada pelanggan. | |
| 5. | **Kosmo**<br>19.2.2021<br>*(Non-essential)* | **Aveta perkenal motosikal mampu milik VS110 pada harga RM3,588 sebuah**<br><br>Aveta Global Marke-ting Sdn. Bhd. melancarkan model VS110 yang berharga RM3,588 di atas jalan, termasuk insurans. Motosikal dikuasakan dengan enjin sejukan udara empat lejang satu silinder berkuasa maksimum 6.5 kuasa kuda pada 8,000rpm dan tork maksimum 6.8Nm pada 6,000rpm yang dipadankan bersama transmisi empat kelajuan. | https://www.kosmo.com.my/2021/02/19/aveta-perkenal-motosikal-mampu-milik-vs110-pada-harga-rm3588-sebuah/ |
| 6. | **Metro**<br>22.2.2021<br>*(Essential)* | **EU harus tekan prinsip keadilan dalam perdagangan minyak sawit**<br><br>Kesatuan Eropah (EU) harus menekankan prinsip keadilan, ketelusan dan tidak mengamalkan diskriminasi dalam perdagangan minyak sawit.<br><br>Negara barat harus mempertahankan persaingan global yang sama rata dalam memperdagangkan komoditi, terutama pengimportan minyak | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/02/676735/eu-harus-tekan-prinsip-keadilan-dalam-perdagangan-minyak-sawit |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | sawit sesuai dengan prinsip perdagangan bebas.<br><br>Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi (KPPK) sudah menubuhkan Dana Pemuliharaan Hijau Sawit Malaysia yang memfokuskan pada aktiviti penanaman semula pokok hutan, mengurangkan konflik manusia-haiwan dan pemuliharaan biodoversiti. | |
| | **B. Subsektor Kesenian, Hiburan dan Rekreasi** | | |
| 7. | **Awani**<br>20.2.2021<br>*(Non-essential)* | **RichWorks anjur seminar percuma, bimbing usahawan**<br><br>Penganjur acara dan seminar, RichWorks International Sdn Bhd (Richworks) menganjurkan Seminar Bina Bisnes Berjaya 2021 yang bakal melengkapkan usahawan dengan ilmu, latihan dan bimbingan untuk mengatasi COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), di samping membantu mencapai keuntungan jutaan ringgit dalam jangka masa 6 hingga 12 bulan. | https://www.astroawani.com/berita-bisnes/richworks-anjur-seminar-percuma-bimbing-usahawan-283796 |

Penemuan penting & isu:

1. Gangguan tenaga elektrik di kawasan tengah AS telah mengakibatkan penurunan drastik pengeluaran minyak mentah sehingga lebih 4 juta tong sehari menyebabkan penanda aras minyak mentah Brent melonjak melepasi paras AS$65.

2. Penurunan 6.7% harga spot emas pada 2021 adalah permulaan terburuk tahunan sejak 1991.

3. Perodua membuka tempahan untuk model baharunya iaitu D55L yang juga akan dikenali sebagai Ativa.

4. BMW mencatatkan 8,903 pemilik baharu di Malaysia pada 2020, sekali gus mendahului keseluruhan segmen premium di Malaysia dengan lebih 47%.

5. Proton memperkenalkan 4 model edisi khas pada 2021 untuk memberi lebih banyak pilihan kepada pelanggan.

6. Motosikal VS110 keluaran Aveta akan dijual pada harga RM3,588. Aveta menyasarkan 5,000 unit terjual pada tahun ini.

7. EU harus melihat kemajuan yang sudah dicapai oleh Malaysia untuk pengeluaran minyak sawit yang mampan serta usaha untuk pemuliharaan hutan dan biodiversiti.

8. Richwork menganjurkan seminar percuma melalui aplikasi Zoom bermula 6/2/2021, 9 pagi hingga 10 malam yang diadakan setiap Sabtu untuk membimbing usahawan dan bakal usahawan dalam ilmu perniagaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Industri Jualan Kenderaan Bermotor dijangka akan terus berkembang dengan tawaran model-model baharu dari syarikat pengeluar di Malaysia.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>19 Feb 2021<br>*(Essential)* | **'Penurunan harga emas mengejutkan'**<br><br>Emas memulakan 2021 dengan jangkaan tinggi susulan harganya mencecah rekod tertinggi dan mencatatkan kenaikan tahunan terbesar dalam tempoh sedekad.<br><br>Sebaliknya, logam berharga itu mencatatkan permulaan terburuk dalam tempoh 30 tahun.<br><br>Emas bagi penghantaran segera susut ke paras terendah tujuh bulan hari ini, dengan niaga hadapannya juga merosot.<br><br>Ia sekali gus memperdalamkan lagi penurunan harganya melepasi paras sokongan yang dikatakan penganalisis berpotensi menjerumuskannya lagi kepada kerugian selanjutnya. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/02/787931/penurunan-harga-emas-mengejutkan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Malay Mail**<br>21 Feb 2021<br>*(Essential)* | **First shipment of Pfizer-BioNTech Covid-19 vaccine arrives in Malaysia**<br><br>Malaysia has officially received its first shipment of Pfizer-BioNTech's Covid-19 vaccine today after months of anticipation, with the implementation of the National Covid-19 Immunisation Programme set to begin in phases from February 26 onwards.<br><br>The vaccines were carried on board Malaysia Airlines flight MH604 operated by MAB Kargo Sdn Bhd (MASKargo) and arrived at the Kuala Lumpur International Airport's Advanced Cargo Centre (ACC) at 9.57am.<br><br>The first batch of the Pfizer-BioNTech Vaccine developed by United States pharmaceutical giant Pfizer and German firm BioNTech comprises a total of 312,390 doses. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1933705 |
| 3. | **Bernama**<br>21 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Export of timber, timber products to hit RM23 bln in 2021 - MPIC**<br><br>The Ministry of Plantation Industries and Commodities (MPIC) is confident Malaysia's export of timber and timber products can reach RM23 billion this year following the arrival of the Covid-19 vaccines.<br><br>The ministry through the Malaysia Timber Industry Board (MTIB) and Malaysia Timber Council (MTC) would strive to ensure the local wood-based industry will remain | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1933705 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | competitive in both the domestic and global markets.<br><br>MPIC will always monitor the industry so that it complies with the standard operating procedures (SOPs) set by the government. The export performance of timber-based products for 2020 which recorded a good achievement although the COVID-19 pandemic has still not ended. | |
| Penemuan penting & isu:<br>1. Emas memulakan 2021 dengan jangkaan tinggi susulan harganya mencecah rekod tertinggi dan mencatatkan kenaikan tahunan terbesar dalam tempoh sedekad. Sebaliknya, logam berharga itu mencatatkan permulaan terburuk dalam tempoh 30 tahun. Emas bagi penghantaran segera susut ke paras terendah tujuh bulan hari ini, dengan niaga hadapannya juga merosot.<br><br>2. Malaysia secara rasmi telah menerima penghantaran pertama vaksin Pfizer-BioNTech's Covid-19 hari ini setelah beberapa bulan ditunggu-tunggu, dengan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Nasional akan dimulai secara berperingkat mulai 26 Februari dan seterusnya. Vaksin itu dibawa dalam penerbangan Malaysia Airlines MH604 yang dikendalikan oleh MAB Kargo Sdn Bhd (MASKargo) dan tiba di Pusat Kargo Lanjutan (ACC) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada jam 9.57 pagi.<br><br>3. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yakin eksport kayu balak dan produk kayu Malaysia dapat mencapai RM23 bilion tahun ini berikutan kedatangan vaksin Covid-19. Prestasi eksport produk berasaskan kayu untuk tahun 2020 yang mencatat pencapaian yang baik walaupun wabak COVID-19 masih belum berakhir | | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Nilai import emas, bukan bentuk wang bagi tahun 2020 bernilai RM10,250 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM240 juta atau 2.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Nilai import emas, bukan bentuk wang menjadi salah satu penyumbang kepada peningkatan nilai import bagi bulan Disember 2020. Nilai eksport emas, bukan bentuk matawang adalah sebanyak 2.1 peratus daripada keseluruhan peratusan jumlah import barangan. | | | |

2. Nilai import bagi kod HS enam digit 30.0220: *human blood; animal blood prepared for therapeutic, prophylactic or diagnostic uses; antisera, other blood fractions and immunological products, whether or not modified or obtained by means of biotechnological processes; vaccines, toxins, cultures of micro-organisms (excluding yeasts) and similar products.vaccines for human medicine* yang terkandung di dalamnya vaksin berjumlah RM327 juta bagi tahun 2020 dan mencatatkan penurunan sebanyak RM13.2 juta atau 3.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2019.

3. Nilai eksport kayu dan hasil keluaran kayu bagi tahun 2020 bernilai RM22,023 juta dan menunjukkan penurunan sebanyak RM481 juta atau 2.1 peratus. Volum eksport bagi kayu dan hasil keluaran kayu juga turut mencatatkan penurunan sebanyak 17 ribu meter padu atau 13.2 peratus dari 146 ribu meter padu pada tahun 2019 ke 129 ribu meter padu pada tahun 2020. Nilai eksport kayu dan hasil keluaran kayu adalah sebanyak 2.3 peratus daripada keseluruhan jumlah eksport barangan.

**D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)**

| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
|---|---|---|---|
| 1. | **Bernama**<br>19 Feb 2021<br>*(essential)* | **Genetec dapat tempahan baharu bernilai RM 56 juta**<br><br>Genetec Technology BHD telah memperoleh tempahan bernilai RM 56 juta daripada pelanggan sedia ada dan baharu yang merupakan pemain global | https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1933070 |
| 2. | **Berita Harian**<br>19 Feb 2021<br>*(essential)* | **BMW kuasai 52 peratus pasaran kenderaan premium Malaysia**<br><br>BMW Group Malaysia menjual 11,016 unit kenderaan dari portfolio BMW, MINI dan BMW Motorrad tahun lalu, sekali gus mengukuh kedudukannya sebagai peneraju dalam segmen automotif premium di Malaysia dengan penguasaan lebih 52 peratus. | https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/02/787849/bmw-kuasai-52-peratus-pasaran-kenderaan-premium-malaysia |
| 3. | **The Edge Markets**<br>19 Feb 2021<br>*(essential)* | **Malaysia Smelting Corp back in the black in 4Q on higher tin prices** | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-smelting- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Malaysia Smelting Corp Bhd returned to the black in the fourth quarter ended Dec 31, 2020 (4QFY20), posting a net profit of RM15.86 million from a net loss of RM15.95 million. | corp-back-black-4q-higher-tin-prices |
| 4. | **The Edge Markets**<br>19 Feb 2021<br>*(essential)* | **Luxchem 4Q net profit soars 69% on improved manufacturing segment, declares two sen dividend**<br><br>Luxchem Corp Bhd's net profit jumped 68.5% to RM16.13 million in the fourth quarter ended Dec 31, 2020 (4QFY20) from RM9.57 million a year earlier on the back of an improved performance in the manufacturing segment. | https://www.theedgemarkets.com/article/luxchem-4q-net-profit-soars-69-improved-manufacturing-segment-declares-two-sen-dividend |
| 5. | **Bernama**<br>21 Feb 2021<br>*(essential)* | **KPPK sasar eksport kayu, produk perkayuan cecah RM 23 bilion tahun ini**<br><br>Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) berkeyakinan prestasi eksport kayu dan produk perkayuan Malaysia mampu mencapai RM 23 bilion pada tahun ini berikutan kehadiran vaksin untuk COVID-19 | https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1933673 |
| 6. | **The Edge Markets**<br>22 Feb 2021<br>*(essential)* | **Analysts expect PetDag's 1QFY21 to be further impacted by MCO**<br><br>After being hit by a lower sales volume during the fourth quarter as a result of the conditional movement control order (CMCO), analysts expect the reimposition of the MCO since January to further impact Petronas Dagangan Bhd's | https://www.theedgemarkets.com/article/analysts-expect-petdags-1qfy21-be-further-impacted-mco |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | (PetDag) first quarter ending March 31, 2021 (1QFY21). | |
| 7. | **Sinar Harian**<br>22 Feb 2021<br>*(essential)* | **Pengusaha kilang disaran tutup operasi secara sukarela Artikel**<br><br>Pengusaha kilang disaran mengambil inisiatif dengan menutup operasi masing-masing sekiranya terdapat kes positif Covid-19 dalam kalangan pekerja mereka. | https://www.sinarharian.com.my/article/124540/KHAS/Covid-19/Pengusaha-kilang-disaran-tutup-operasi-secara-sukarela |

Penemuan penting & isu:

1. Mulai Disember 2020 sehingga kini, Genetec Technology Bhd menerima pesanan bagi mesin pemasangan yang disesuaikan serta pembekalan bahagian komponen dimana pesanan telah mencecah RM53.7 juta daripada industri kenderaan elektrik dan bateri manakala daripada industri automotif, elektronik, semikonduktor dan cakera keras bernilai RM 2.3 juta.

2. BMW Group Malaysia telah mencatat pencapaian yang terbaik dalam 'Net Promoter Scoring' bagi perihal kepuasan pelanggan dan telah merekodkan 8,903 pemilik baharu tahun lalu, sekali gus mendahului keseluruhan segmen premium di Malaysia dengan penguasaan pasaran lebih 47 peratus.

3. Malaysia Smelting Corporation Berhad (MSC) merancang untuk menugaskan sepenuhnya kemudahan peleburan baru di Pulau Indah pada akhir 2021 atau awal 2022 dimana peleburan baru itu dijangka akan meningkatkan kapasiti pengeluaran MSC sebanyak 50% hingga 60,000 tan setahun dengan menggunakan tungku Top Submerged Lance (TSL) canggih, dengan kos operasi dan jejak karbon yang lebih rendah.

4. Pendapatan sepanjang tahun Heneiken Malaysia merosot 24.13% kepada RM1.76 bilion daripada RM2.32 bilion dimana prestasi syarikat ini dipengaruhi oleh turun naik pertukaran dolar AS, turun naik harga bahan mentah, situasi permintaan dan penawaran bahan mentah, persaingan dan situasi semasa pandemik Covid-19.

5. KPPK sentiasa memantau pihak industri untuk terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan kerajaan berikutan pemulihan ekonomi di negara pengimport utama kayu serta kadar permintaan dari negara-negara lain yang semakin meningkat dimana akan memacu industry kayu kekal positif sepanjang 2021.

6. Pendapatan FY20 Petronas Dagangan Bhd (PetDag) menurun sangat teruk di tengah pendemik Covid-19 dan sekatan perjalan mengakibatkan jumlah jualan dan harga produk yang lebih rendah.

7. Sektor perkilangan dan pembuatan merupakan penyumbang tertinggi kepada jumlah kes positif harian di mana sehingga semalam daripada 41,396 kes aktif keseluruhan yang direkodkan, 14,423 kes adalah daripada sektor itu namun menutupan operasi secara sukarela bukan sahaja mampu menurunkan kes tetapi secara tidak langsung mampu menyekat penularan wabak dalam kalangan komuniti
.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum walaupun PKP dilaksanakan, aktiviti ekonomi masih diteruskan dan syarikat mengambil langkah dan inisiatif untuk terus memulihkan keadaan ekonomi terutamanya di sektor Pembuatan.

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Malaysian Reserve**<br>**19 Feb 2021**<br>*(Non essential)* | **Matta: SOP 1st, then travel bubble**<br><br>As Malaysia moves to open its borders with travel bubbles, the tourism sector needs to first come up with a "fool-proof" operating procedure to minimise the resurgence of COVID-19. Countries involved in the RGL-TCA must ensure the reopening of travel does not make matters worse and suggested that initially foreign travellers should be limited to specific destinations to limit any danger of spreading COVID-19. SOPs need to be implemented for the benefit of locals as well as visitors. | https://themalaysianreserve.com/2021/02/19/matta-sop-1st-then-travel-bubble/ |
| 2. | **TTR Weekly**<br>**22 Feb 2021**<br>*(Non essential)* | **Vaccine the game changer for business travel**<br><br>In Alexandria USA, The Global Business Travel Association (GBTA), the world's largest | https://www.ttrweekly.com/site/2021/02/vaccine-the-game-changer-for-business-travel/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | business travel association, discovered most GBTA members and stakeholders (79%) would be "very comfortable" or "comfortable" travelling for business after receiving the COVID-19 vaccination.<br><br>Almost half of the participants of a GBTA survey supported the mandatory testing prior to travel to ensure the safety of customers and clients when meeting face-to-face. Almost half (49%) of GBTA member and stakeholder respondents agreed with the policy" to mandate COVID-19 testing for employees before they could travel for work which most felt it was because customers and clients would feel safe having face-to-face meetings (69%), and it would help resume business travel (64%). As vaccination programs ramp up globally, traveller and corporate confidence are starting to return. | |
| 3. | **Berita Harian**<br>**19 Feb 2021**<br>*(Non-Essential)* | **Petronas Dagangan catat untung bersih RM276 juta**<br><br>Petronas Dagangan Bhd (PDB) mencatatkan keuntungan bersih yang lebih rendah sebanyak RM276 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 berbanding RM829.54 juta tahun sebelumnya.Ia dipengaruhi oleh cabaran luaran termasuk penurunan harga produk petroleum yang mendadak pada awal tahun dan sekatan perjalanan berkaitan akibat pandemik COVID-19. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/02/788068/petronas-dagangan-catat-untung-bersih-rm276-juta |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pendapatan untuk bagi tahun kewangan 2020 turun menjadi RM18.71 bilion daripada RM30.29 bilion tahun ke tahun, terutama dipengaruhi oleh jumlah jualan yang lebih rendah dan kemerosotan purata harga jualan. Bagi suku keempat 2020, PDB mencatatkan keuntungan bersih RM89.21 juta berbanding RM126.59 juta, manakala perolehan berjumlah RM4.39 bilion daripada RM7.79 bilion tahun ke tahun. Harga saham PDB ditutup dua sen lebih tinggi kepada RM19.20 pada Bursa Malaysia hari ini. | |

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Sektor pelancongan perlu menyediakan prosedur operasi standard (SOP) seiring persiapan gelembung perjalanan dan pembukaan semula sempadan negara. Negara-negara yang terlibat dengan RGL/TCA perlu memastikan pembukaan semula sempadan tidak memburukkan lagi keadaan dan perlu mengehadkan kepada beberapa destinasi bagi mengekang penyebaran COVID-19.

2. Akhbar 2: Kajian Global Business Travel Association (GBTA) mendapati 79% ahlinya merasa "sangat selesa" atau "selesa" untuk melakukan perjalanan perniagaan setelah menerima suntikan vaksin COVID-19. Hampir separuh responden bersetuju bahawa ujian COVID-19 wajib diambil sebelum melakukan perjalanan bagi memastikan keselamatan semua pihak seperti pelanggan dan pekerja terjamin semasa bertemu secara bersemuka. Keyakinan para pelancong dan ahli perniagaan kembali meningkat setelah pelaksanaan program vaksinasi di peringkat antarabangsa.

3. Akhbar 3: Petronas Dagangan Berhad (PDB) mencatatkan keuntungan bersih yang lebih rendah sebanyak RM276 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 disebabkan cabaran luaran termasuk penurunan harga produk petroleum yang mendadak pada awal tahun dan sekatan perjalanan akibat pandemik COVID-19. Pendapatan untuk bagi tahun kewangan 2020 turun menjadi RM18.71 bilion terutama dipengaruhi oleh jumlah jualan yang lebih rendah dan kemerosotan purata harga jualan. PDB mencatatkan keuntungan bersih RM89.21 juta manakala perolehan berjumlah RM4.39 bilion.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Akhbar 1 dan 2: Perjanjian Laluan Hijau Timbal Balik/ Aturan Koridor Perjalanan (RGL/TCA) dan program vaksinasi COVID-19 yang telah mula dilancarkan di peringkat antarabangsa dilihat bakal membantu memulihkan sektor pelancongan di Malaysia. Justeru, ia akan memberi impak kepada penyusunan komponen Perjalanan dalam statistik Imbangan Pembayaran secara keseluruhannya. Pada tahun 2020, komponen Perjalanan telah mencatatkan defisit RM7.8 bilion berbanding lebihan RM30.8 bilion pada tahun sebelumnya.<br><br>2. Akhbar 3: Cabaran luaran termasuk penurunan harga produk berasaskan petroleum telah memberi kesan kepada pendapatan dan keuntungan bersih yang lebih rendah bagi tahun 2020. Ini memberi impak kepada penyusunan statistik Imbangan Pembayaran bagi Akaun Kewangan dan Akaun Semasa terutamanya akaun Barangan. Pada tahun 2020, Akaun Kewangan telah mencatatkan aliran keluar bersih RM79.1 bilion. Manakala akaun Barangan pula merekodkan lebihan yang lebih tinggi RM139.1 bilion berbanding RM123.3 bilion pada tahun sebelumnya. | | | |
| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>21 Februari 2021<br>*(Essential)* | **Eksport perkayuan Malaysia dijangka meningkat tahun ini**<br><br>Nilai eksport kayu dan produk perkayuan dijangka mencatatkan prestasi lebih baik kepada RM23 bilion pada 2021, berbanding RM22.02 bilion yang dicatatkan pada 2020.<br><br>Pemulihan ekonomi di negara pengimport utama kayu dan produk kayu seperti di Amerika Syarikat (AS) dan China serta kadar permintaan dari negara lain yang semakin meningkat akan memacu industri kayu kekal positif sepanjang 2021.<br><br>Prestasi eksport produk bernilai tinggi seperti perabot, tanggam dan kayu kumai mencatatkan peningkatan 11 peratus dengan jumlah eksport RM12.3 bilion | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/02/788652/eksport-perkayuan-malaysia-dijangka-meningkat-tahun-ini |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berbanding RM11.1 bilion pada 2019. | |
| 2. | **Bernama**<br>22 Feb 2021<br>(*Essential*) | **Economy to bounce back once vaccination gathers momentum**<br><br>The country's economy is expected to show a positive development by the middle of this year once the National COVID-19 Immunisation Programme, which begins on Wednesday, gathers momentum.<br><br>Malaysia would be able to revive its economy starting in the third quarter of this year, depending on the smooth implementation of the vaccination programmes.<br><br>This is in line with the forecast issued by the Economic Planning Unit which expects the country's economy to recover around 4.5 to 5.0% | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/02/22/economy-to-bounce-back-once-vaccination-gathers-momentum |
| 3. | **The Edge**<br>22 Feb 2021<br>(*Essential*) | **Malaysian economy to recover in 2021 on effective vaccine deployment — World Bank**<br><br>Malaysia's economy is expected to return to positive growth this year, along with other economies globally, on sustained progress in vaccine roll-outs that will boost consumption worldwide.<br><br>The vaccine deployment can be mostly completed in 2021 in most economies, leading to a strong recovery and demand, as well as boosting trade and commodity prices. | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-economy-recover-2021-effective-vaccine-deployment-%E2%80%94-world-bank |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Global growth is projected at 4% this year. As for Malaysia, the projected economic growth this year to range between 5.6% and 6.7%. | |

Penemuan penting & isu:

1. Eksport perkayuan Malaysia dijangka meningkat kepada RM23 bilion pada 2021, berbanding RM22.02 bilion yang dicatatkan pada 2020. Ini disokong oleh, prestasi eksport produk bernilai tinggi seperti perabot, tanggam dan kayu kumai mencatatkan peningkatan 11 peratus dengan jumlah eksport RM12.3 bilion berbanding RM11.1 bilion pada 2019.

2. Pemulihan ekonomi dijangka pada suku ketiga tahun ini, bergantung kepada kelancaran pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Nasional, yang bermula pada 24 Februari 2021. Ekonomi negara turut dijangka menunjukkan perkembangan positif pada pertengahan tahun ini apabila program vaksinasi negara mendapat momentum. Ini selari dengan unjuran KDNK yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi sekitar 4.5 hingga 5.0.

3. Ekonomi Malaysia dijangka kembali ke pertumbuhan positif bagi 2021, seiring dengan perkembangan ekonomi global susulan daripada pelaksanaan program vaksinasi di peringkat antarabangsa. Seterusnya merancakkan aktiviti penggunaan, secara tidak langsung menjana permintaan dalam pasaran. World Bank mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global tahun ini sebanyak 4% manakala bagi Malaysia berkisar antara 5.6% dan 6.7%.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan unjuran Unit Perancang Ekonomi, ekonomi Malaysia bagi 2021 dijangka berkembang antara 4.5 peratus hingga 5.0 peratus. Ini selari dengan unjuran KDNK global oleh World Bank pada 4 peratus manakala bagi Malaysia berkisar antara 5.6 peratus dan 6.7 peratus. Ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih kepada pertumbuhan positif pada 2021, seiring dengan perkembangan ekonomi global ekoran pelaksanaan program vaksinasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

2. Keberkesanan program imunisasi nasional dijangka akan melonjakkan keyakinan rakyat dan peniaga. Sentimen ini akan membenarkan aktiviti ekonomi berjalan lancar dan seterusnya membuka lebih banyak peluang ekonomi terutamanya bagi sektor Perkhidmatan dan meningkatkan kadar pengeluaran sektor Pembuatan. KDNK bagi sektor Perkhidmatan dan

Pembuatan masing-masing menyusut 5.1 peratus dan 2.5 peratus sepanjang tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.

| G. | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>19 Feb. 2021<br>*(Essential)* | **Telekom Malaysia komited untuk perhebat peranan pacu inisiatif MyDIGITAL**<br><br>Telekom Malaysia Bhd (TM) memberi jaminan untuk menyokong inisiatif MyDIGITAL - Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia yang dilancarkan pada Jumaat serta rancangan lain kerajaan bagi melonjakkan pemulihan sosioekonomi terutamanya di saat-saat penting seperti sekarang. | read://https_www.bernama.com/?url=https%3A%2F%2Fwww.bernama.com%2Fbm%2Fekonomi%2Fnews.php%3Fid%3D1933097 |
| 2. | **Utusan Malaysia**<br>21 Feb. 2021<br>*(Essential)* | **Harga ikan tak naik melambung**<br><br>Harga kebanyakan 'ikan rakyat' di seluruh negara naik namun belum ke tahap melambung seperti didakwa orang ramai baru-baru ini. | https://www.utusan.com.my/nasional/komuniti/2021/02/harga-ikan-tak-naik-melambung/ |

Penemuan penting & isu:

1. Telekom Malaysia menyokong inisiatif MyDIGITAL - Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia bagi melonjakkan pemulihan sosioekonomi. Kerjasama awam-swasta yang seumpamanya juga berupaya memacu negara menjadi Digital Malaysia sepenuhnya menjelang 2030 serta mewujudkan masyarakat, perniagaan serta kerajaan yang lebih digital. Ini menyokong pendekatan holistik (menyeluruh) yang meliputi ketersambungan digital (gentian optik dan teknologi rangkaian selular generasi kelima atau 5G), prasarana digital (pengkomputeran awan dan keselamatan siber) serta kemahiran dan tenaga kerja digital bagi kemudahan kehidupan serta perniagaan untuk rakyat sejajar sebuah negara yang saling berhubung.

2. Harga kebanyakan 'ikan rakyat' di seluruh negara naik namun belum ke tahap melambung seperti didakwa orang ramai baru-baru ini. Jika dibandingkan minggu kedua Februari lalu dengan tempoh sama tahun lalu, harga runcit 20 spesies ikan terpilih meningkat 6.4 peratus secara purata. Harga borong bagi 20 spesies ikan itu bagi tempoh sama pula meningkat

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 10.1 peratus secara purata. Sebagai contoh, harga kembung meningkat 5.6 peratus daripada RM14.05 sekilogram tahun lalu kepada RM14.83 sekilogram tahun ini manakala selar meningkat 7.1 peratus (RM13.74 sekilogram kepada RM14.72 sekilogram). Aya kurik menurun 4.2 peratus daripada RM10.85 sekilogram tahun lalu kepada RM10.39 sekilogram tahun ini. Begitu juga dengan pelaling turun 12.9 peratus (RM12.12 sekilogram kepada RM10.56 sekilogram). | | |

Maklumbalas Bahagian:

1. Makluman berkenaan isu kerajaan melancarkan MyDIGITAL sekaligus akan meningkatkan pemulihan sosioekonomi.

2. Perubahan harga ikan di pasaran akan memberi kesan kepada IHP Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol.

| **H.** | **Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian**<br>21 Feb. 2021<br>(*Non-essential*) | **COVID-19: 3,297 kes baharu, lima kematian direkodkan setakat 21 Feb. 2021**<br><br>Kes baharu COVID-19 yang direkodkan pada Ahad (21 Feb 2021) meningkat kepada 3,297 kes berbanding 2,461 semalam dengan lima kematian. | https://www.sinarharian.com.my/article/125013/KHAS/COVID-19/COVID-19-3297-kes-baharu-lima-kematian-direkodkan |

Penemuan penting & isu:

1. Sebanyak 3,291 daripada jumlah kes baharu hari ini adalah penularan dalam negara melibatkan 1,402 warganegara dan 1,889 bukan warganegara manakala enam adalah kes import menjadikan jumlah kumulatif kini adalah 283,569 kes. Bagaimanapun kes sembuh yang dicatatkan dalam negara masih tinggi iaitu 4,456 kes menjadikan jumlah kumulatif sembuh adalah 249,209. Kes kematian pada Ahad melibatkan masing-masing dua kes di Selangor dan Terengganu serta satu kes di Kuala Lumpur yang berumur antara 29 hingga 82 tahun.

Maklumbalas Bahagian:

1. Punca kematian disebabkan wabak COVID-19 akan dimuatkan dalam Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian, Malaysia, 2021.

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>22 Feb. 2021<br>*(Essential)* | **SPM 2020: 401,105 calon mula duduki peperiksaan dalam norma baharu** | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/788740/spm-2020-401105- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Hari ini, seramai 401,105 pelajar di seluruh negara mula menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 dalam suasana negara masih berdepan pandemik COVID-19 yang menuntut mereka membawa 'perisai' tambahan.<br><br>Selain berbekalkan pen dan ilmu pengetahuan seperti kebiasaannya apabila memasuki dewan utama peperiksaan, kelainan bagi calon SPM 2020 ialah mereka juga perlu membawa 'perisai' iaitu pelitup muka atau pelindung muka bagi mencegah penularan wabak itu. | calon-mula-duduki-peperiksaan-dalam-norma-baharu |

Penemuan penting & isu:

1. Hari ini, seramai 401,105 pelajar di seluruh negara mula menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 dalam suasana negara masih berdepan pandemik COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peperiksaan SPM 2020 yang berlangsung mulai 22 Februari 2021 melibatkan seramai 401,105 pelajar seluruh Malaysia. Berdasarkan MyLocal Stats 2019, bilangan calon peperiksaan SPM pada tahun 2019 adalah 387,346 orang.

| **J.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>22 Feb. 2021<br>(*Essential*) | **Rezeki cuaca panas**<br><br>Cuaca panas sejak Januari lalu memberi rezeki kepada penanam tembikai di Padang Terap yang mampu memperoleh tuaian yang banyak. Hasil tuaian sekarang sudah boleh petik buah untuk dijual dan boleh juga menampung perbelanjaan harian ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/02/788758/rezeki-cuaca-panas |

| 2. | **The Star**<br>19 Feb. 2021<br>(*Non-essential*) | **Used masks taking toll on environment**<br><br>Petaling Jaya: Environmentalists have reiterated calls for the public to dispose of their single-use face masks properly to protect the environment. Waste experts previously estimated that at least 10 million single-use face masks are used and discarded daily in the country. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/02/19/used-masks-taking-toll-on-environment |
|---|---|---|---|

Penemuan penting & isu:

1. Cuaca panas sejak Januari lalu memberi rezeki kepada penanam tembikai di Padang Terap yang mampu memperoleh tuaian yang banyak. Hasil tuaian sekarang yang sudah boleh petik buah untuk dijual dan boleh juga menampung perbelanjaan harian ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Buah tembikai yang matang perlu dijual cepat sebab dikhuatiri rosak dan kalau sekiranya cuaca hujan serta buah yang terhasil tidak berapa elok.

2. *The public are generally aware that they have to dispose of their face masks properly. According to the Department of Environment, face masks used by the public are classified as solid waste, not clinical waste environment. The biggest issue about face masks is that they are non-degradable and are being thrown away in huge quantities. For countries with waste-to-energy plants or incinerators, there are no issues to turn it into energy, but for Malaysia, it all goes into the landfill and it stays there forever because it is mainly plastic. It is worse when face masks are dumped or littered on the street and into the drains which could lead to other bigger problems such as flooding from clogged drains as well as microplastic issues. Furthermore, waste experts previously estimated that at least 10 million single-use face masks are used and discarded daily in the country.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Salah satu faktor mempengaruhi pengeluaran tembikai adalah cuaca di mana buah tembikai yang dihasilkan akan memberi rasa yang lebih manis pada cuaca panas. Berdasarkan kepada penerbitan Akaun Pembekalan dan Pengeluaran Pertanian 2015-2019, maklumat data pengeluaran tembikai adalah menurun sejak 2017.

| **Tahun** | **2015** | **2016** | **2017** | **2018** | **2019** |
|---|---|---|---|---|---|
| **Jumlah (ribu tan metrik)** | 178.9 | 192.9 | 172.3 | 150.3 | 144.1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2. Penggunaan pelitup muka dianggarkan sekurang-kurangnya 10 juta dan dibuang setiap hari di negara ini. Buangan klinikal merujuk kepada buangan yang terdiri daripada keseluruhan atau sebahagian tisu manusia, darah atau bendalir badan, bahan kumuh, ubat-ubatan, produk farmaseutikal dan lain-lain. Ia diklasifikasikan sebagai buangan terjadual di bawah Jadual Pertama Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005. Merujuk kepada sumber data oleh Jabatan Alam Sekitar, kuantiti buangan klinikal pada 2019 adalah sebanyak 33.8 ribu tan metrik. Tiga (3) negeri mencatatkan jumlah buangan klinikal tertinggi iaitu Selangor (7.3 ribu tan metrik), W.P. Kuala Lumpur (3.8 ribu tan metrik) dan Sarawak (3.7 ribu tan metrik). | | |
| **K.** | **Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Malay Mail**<br>19 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Shopee: MyDigital benefits e-commerce through public, private sector partnerships**<br><br>The National Digital Economy Blueprint (MyDigital) would be beneficial for e-commerce and the wider digital economy, and achievable through impactful partnerships between the public and private sectors.<br><br>These efforts are in line with e-commerce platform, Shopee's mission to empower local micro, small and medium enterprises (MSMEs). Last year, Shopee onboarded more than 40,000 MSMEs in just three months through the Penjana MSME E-commerce campaign and believe that there is room to do more. | https://www.malaymail.com/news/money/2021/02/19/shopee-mydigital-benefits-e-commerce-through-public-private-sector-partners/1951143 |
| 2. | **The Edge Market**<br>19 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Genius kindergartens in states under CMCO, RMCO allowed to operate**<br><br>The Taska Genius Perpaduan kindergartens in states placed under the conditional | https://www.theedgemarkets.com/32rticle/genius-kindergartens-states-under-cmco-rmco-allowed-operate |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | movement control order (CMCO) and the recovery MCO (RMCO) are allowed to operate starting this Monday.<br><br>For those in states placed under the MCO would not be allowed to open yet until the MCO had been lifted. | |
| 3. | **The Malay Mail**<br>19 Feb 2021<br>*(Essential)* | **PM Muhyiddin unveils RM56b plan to spur Malaysia's digital economy**<br><br>The Malaysian government will spend up to RM56 billion on infrastructure for faster and wider internet connectivity under a 10-year plan aimed at developing the country's digital economy.<br><br>RM12 to RM15 billion will be invested into main drivers of MyDigital; cloud computing service providers for the next five years. Under the plan, Putrajaya expects the sector to contribute up to a fourth of Malaysia's GDP by 2025 and create half a million jobs. The initiative is also meant to increase micro businesses' presence in e-commerce and grow more local startups firms. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/02/19/pm-muhyiddin-unveils-rm56b-plan-to-spur-malaysias-digital-economy/1951017 |
| 4. | **The Edge Market**<br>20 Feb 2021<br>*(Essential)* | **MCO: Taxi drivers in Kelantan surrender permits due to lack of passengers, more expected to follow suit**<br><br>Almost 30 per cent of Persatuan Kereta Sewa Kelantan Gabungan Barat's members had been forced to surrendered | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/02/20/mco-taxi-drivers-in-kelantan-surrender-permits-due-to-lack-of-passengers-mo/1951378 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | their permits due to lack of passengers since March last year due to the movement control order (MCO) and the inability to meet management costs.<br><br>The Kelantan taxi drivers also have to bear the cost of the car insurance coverage of RM800 to RM1,700 depending on the age of the car as well as car and business licenses of RM300 for a five-year period. They appeal to the relevant parties for assistance and hope the government can exempt them from the operational costs during this difficult period. | |

Penemuan penting & isu:

1. Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) akan memanfaatkan e-dagang dan melebarkan ekonomi digital dan dapat dicapai melalui gabungan sektor awam dan swasta yang berkesan. Langkah ini sejajar dengan misi platform e-dagang Shopee untuk memperkasa usahawan mikro, kecil dan sederhana (MSMEs) dengan menaikkan lebih 40 ribu MSMEs melalui kempen e-dagang SME Penjana pada 2020.

2. Taska di bawah Taska Genius Perpaduan bagi negeri di bawah PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan dibenarkan beroperasi bermula Isnin ini. Manakala negeri di bawah PKP pula masih tidak dibenarkan.

3. Kerajaan Malaysia akan membelanjakan sehingga RM56 billion bagi infrastruktur untuk melebarkan dan menaik taraf rangkaian internet di bawah pelan 10 tahun bertujuan membangun ekonomi digital negara. Sejumlah RM12 ke RM15 billion akan dilaburkan ke pemacu utama MyDigital – perkhidmatan perkomputeran awan untuk 5 tahun ke hadapan. Disasarkan sektor ini akan menjadi penyumbang keempat kepada KDNK Malaysia menjelang 2025 dan akan mewujudkan 500 ribu peluang pekerjaan. Inisiatif ini juga akan meningkatkan kehadiran PKS dalam e-dagang dan meningkatkan lebih banyak firma pemula tempatan.

4. Hampir 30 peratus ahli Persatuan Kereta Sewa Kelantan Gabungan Barat terpaksa melepaskan permit kerana kekurangan penumpang sejak Mac

2020 kerana pelaksanaan PKP dan tidak dapat melunaskan kos pengurusan. Pemandu teksi di Kelantan juga terpaksa menanggung kos insurans kereta sebanyak RM800 hingga RM1,700 bergantung hayat kenderaan dan lesen perniagaan sebanyak RM300 bagi tempoh lima tahun.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh pada ST4 2020 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
   i) Tenaga buruh: 15,922.3 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,161.6 ribu
   iii) Penganggur: 760.7 ribu
   iv) Luar tenaga buruh: 7,318.4 ribu
   v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5%
   vi) Kadar pengangguran: 4.8%

2. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST4 2020:
   i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,281 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,341 ribu (52.4%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,159 ribu (26.1%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,259 ribu jawatan diisi (15.1%).
   ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,546 ribu (18.7%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 910 ribu (11.0%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 789 ribu (9.5%).
   iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 566 ribu (6.8%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 411 ribu (5.0%).
   iv) Pewujudan jawatan adalah sebanyak 16.7 ribu, di mana tertinggi direkodkan di sektor Pembuatan dengan 6.8 ribu (40.5%) dan diikuti dengan sektor Perkhidmatan dengan 6.4 ribu (38.4%).

3. Statistik pekerja bagi ST4 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2020 adalah seperti berikut:
   i) Pertanian: 1,851 ribu orang
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 68 ribu orang
   iii) Pembuatan: 2,584 ribu orang
   iv) Pembinaan: 1,404 ribu orang
   v) Perkhidmatan: 9,255 ribu orang
   vi) Jumlah: 15,162 ribu orang

4. Statistik produktiviti buruh bagi ST4 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2020 adalah seperti berikut:

| **Aktiviti ekonomi** | **Produktiviti buruh mengikut jam bekerja** | | **Produktiviti buruh mengikut pekerja** | |
|---|---|---|---|---|
| | **Nilai (RM)** | **Perubahan Peratusan Tahunan (%)** | **Nilai (RM)** | **Perubahan Peratusan Tahunan (%)** |
| Pertanian | 25.1 | -0.4 | 13,183 | -0.3 |
| Perlombongan dan pengkuarian | 574.8 | -6.4 | 344,767 | -9.1 |
| Pembuatan | 55.8 | 6.0 | 32,592 | 3.2 |
| Pembinaan | 17.4 | -6.7 | 10,173 | -8.4 |
| Perkhidmatan | 39.4 | -2.7 | 22,304 | -4.9 |
| **Jumlah** | **41.6** | **-0.8** | **23,570** | **-2.9** |

5. Berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah tahun 2019, penengah gaji & upah bulanan adalah RM2,442 manakala purata gaji & upah bulanan sebanyak RM3,224.

6. Terdapat 1,256.2 ribu orang pekerja dalam sektor informal pada tahun 2019 berdasarkan Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal. Pekerja kategori ini meliputi 8.3 peratus daripada keseluruhan pekerja di Malaysia.